

NO.SIRI :

Untuk kegunaan MPAG

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang beralamat di **Daerah Alor Gajah** sahaja, yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1 Kategori CE, Pengkhususan CE 21 yang masih sah dan berdaftar dengan MPAG. Borang sebut harga ini akan diterima di **Majlis Perbandaran Alor Gajah** sehingga 12.00 tengah hari pada 21 MEI 2025 (RABU).



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

DOKUMEN SEBUT HARGA

MPAG/SH/16/2025

**MEMBAIKPULIH KEMUDAHAN SUKAN DI
TAMAN MELAKA PERDANA.**

1.	Nama Syarikat	:	
2.	No. Telefon	:	
3.	No.Resit	:	

NO. SEBUT HARGA : MPAG/SH/16/2025

TAJUK : MEMBAIKPULIH KEMUDAHAN SUKAN DI TAMAN MELAKA
PERDANA.

ISI KANDUNGAN

BIL	KETERANGAN	MUKA SURAT
1.	SENARAI SEMAKAN	
2.	KENYATAAN SEBUT HARGA	
3.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN 2)	1-5
4.	SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA (LAMPIRAN 3)	6-15
5.	BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN 4)	16
6.	SENARAI KUANTITI (LAMPIRAN 5)	m/s 1/5 - m/s 5/5
7.	SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)	17-18
8.	MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN 1A)	19
9.	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)	20
10.	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)	21

SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-dokumen Yang Wajib Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) (yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga) - Salinan Borang 49 dan Borang 24 atau Borang D atau Borang E	☐	☐
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB (yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari BPKU (Kerja) (jika berkenaan) (yang masih aktif dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup sebut harga)	☐	☐
6.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani beserta Cop Syarikat (LAMPIRAN 4)	☐	☐
7.	Borang Senarai Kuantiti Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani beserta Cop Syarikat (LAMPIRAN 5)	☐	☐
8.	Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN 6)	☐	☐
9.	Borang Maklumat Penyebut Harga (LAMPIRAN 1A)	☐	☐
10.	Pematuhan kepada spesifikasi	☐	☐
11.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
12.	Cadangan Penyelenggaraan/Pyenyenggaraan (jika perlu)	☐	☐
13.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐
14.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang disahkan oleh pegawai bank (bagi sebut harga melebihi RM 200,000.00 Wajib disertakan) (Penyata Bulan Februari, Mac & April 2025)	☐	☐
15.	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (LAMPIRAN 12)	☐	☐

SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-dokumen yang **WAJIB** disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
16.	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (LAMPIRAN 13)	☐	☐
17.	Lain-lain Sekiranya Ada:	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB), masih sah tempohnya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup sebut harga** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH / MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<u>MPAG/SH/16/2025</u> MEMBAIKPULIH KEMUDAHAN SUKAN DI TAMAN MELAKA PERDANA KOORDINAT BAGI LAWATAN TAPAK :  2.3696773181166497 (N) 102.22984554019541 (E)	<u>Gred</u> : G1 (Daerah Alor Gajah Sahaja) <u>Kategori</u> : CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam) <u>Pengkhususan</u> : CE 21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)	LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak : 13 MEI 2025 (SELASA) Waktu Pendaftaran : 9.00 pagi - 9.30 pagi Tempat : BERKUMPUL DI DEWAN BOUGAINVILLEA, MPAG.	<u>Tarikh Dokumen Dijual</u> : 14 MEI 2025 (RABU) Sehingga 20 MEI 2025 (SELASA)	<u>Harga Dokumen</u> : RM 50.00 Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat</u> : Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka. <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> : 21 MEI 2025 (RABU) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> : 12.00 tengah hari
<u>MPAG/SH/17/2025</u> CADANGAN MEMBINA SEBUAH GELANGGANG FUTSAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN SRI NANING KOORDINAT BAGI LAWATAN TAPAK :  2.43934455568583 (N), 102.1884189984486(E)		Sila bawa sijil SSM, PPK dan SPKK bagi tujuan semakan. Hanya seorang penama dalam Sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan taklimat. Nama pegawai dan No. telefon : Puan Nordiana (012-9123473) & Encik Subhi (012- 6095390)			



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor** yang berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Alor Gajah** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB)**, masih sah tempohnya sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup sebut harga serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH / MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<u>MPAG/SH/18/2025</u> CADANGAN MEMBINA SEBUAH GELANGGANG FUTSAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN KELEMAK JAYA KOORDINAT BAGI LAWATAN TAPAK :  2.3775229925438577(N), 102.20637587874752 (E)	<u>Gred</u> : G1 (Daerah Alor Gajah Sahaja) <u>Kategori</u> : CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam) <u>Pengkhususan</u> : CE 21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)	LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak : 13 MEI 2025 (SELASA) Waktu Pendaftaran : 9.00 pagi - 9.30 pagi Tempat : BERKUMPUL DI DEWAN BOUGAINVILLEA, MPAG. Sila bawa sijil SSM, PPK dan SPKK bagi tujuan semakan. Hanya seorang penama dalam Sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan taklimat. Nama pegawai dan No. telefon : Puan Nordiana (012-9123473) & Encik Subhi (012- 6095390)	<u>Tarikh Dokumen Dijual</u> : 14 MEI 2025 (RABU) Sehingga 20 MEI 2025 (SELASA)	<u>Harga Dokumen</u> : RM 50.00 Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat</u> : Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka. <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> : 21 MEI 2025 (RABU) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> : 12.00 tengah hari



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah** serta **berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB)**, masih sah tempohnya sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup sebut harga serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH / MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<u>MPAG/SH/19/2025</u> KERJA MENAIK TARAF PENGCAHAYAAN DI TAMAN REKREASI DURIAN DAUN KOORDINAT BAGI LAWATAN TAPAK :  2.352810667582688 (N), 102.12513660288771 (E)	<u>Gred</u> : G1, G2, G3 (Negeri Melaka Sahaja) <u>Kategori</u> : ME (Mekanikal dan Elektrikal) <u>Pengkhususan</u> : E 04 (Pemasangan Voltan Rendah) DAN E 11 (Kerja Am Elektrik)	LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak : 13 MEI 2025 (SELASA) Waktu Pendaftaran : 3.00 Petang - 3.30 petang Tempat : BERKUMPUL DI DEWAN BOUGAINVILLEA, MPAG. Sila bawa sijil SSM, PPK dan SPKK bagi tujuan semakan. Hanya seorang penama dalam Sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan taklimat. Nama pegawai dan No. telefon : Puan Nordiana (012-9123473) & Encik Subhi (012- 6095390)	<u>Tarikh Dokumen Dijual</u> : 14 MEI 2025 (RABU) Sehingga 20 MEI 2025 (SELASA)	<u>Harga Dokumen</u> : RM 50.00 Tidak akan dikembalikan	<u>Tempat</u> : Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka. <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> : 21 MEI 2025 (RABU) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> : 12.00 tengah hari

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal

1. MENDAFTAR DI STOM



<https://stom.melaka.gov.my>

2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR



<https://ebayar.melaka.gov.my>

3. BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak Kontraktor / ~~Pembekal~~ / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian** dengan harga **RM50.00**.
3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai Kontraktor dengan MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM150.00** bagi kategori **kerja** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai Kontraktor dengan MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar **yuran pembaharuan pendaftaran** adalah sebanyak **RM30.00** setahun.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>.
6. Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat sebut harga yang diwajibkan, hanya Kontraktor yang telah berdaftar di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : **6 MEI 2025**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

2.1.1 Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,

2.1.2 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

2.1.3 Senarai Kerja Dalam Tangan,

2.1.4 Senarai Pengalaman Kerja,

2.1.5 Jadual Kadar Harga (jika ada),

2.1.6 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),

2.1.7 Surat Akuan Pembida,

2.1.8 ~~Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.~~

- 2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- 2.1.10 Kegagalan mengisi/menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- 2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 2.2.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 2.2.2 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

3.0 'INTEGRITY PACT'

- 3.1.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran 6** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.

3.1.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.

3.1.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran 7** beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

4.0 TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **16 minggu**. Mana-mana penyebut harga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh siap kerja maksimum yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

6.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

7.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana Kontraktor yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

8.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

8.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: SERATUS SEMBILAN PULUH SEMBILAN RIBU LAPAN RATUS ENAM PULUH TUJUH (RM199,867.00) SAHAJA

8.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

8.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1.0 PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

3.0 ~~BON PELAKSANAAN, PERKESO DAN POLISI INSURANS~~

- 3.1 ~~Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai Sebut Harga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful. Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank atau Insurans, kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) hendaklah diguna pakai seperti mana ditetapkan dalam peraturan mengenai tatacara pengurusan tender yang berkuat kuasa.~~
- 3.2 Polisi Insuran Kerja (Sekiranya dinyatakan dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga - Atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan kerja bagi jumlah harga sepenuhnya dan meliputi keseluruhan tempoh siap kerja.
- 3.3 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum RM10,000.00 bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 3.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.
- 3.5 Merujuk kepada surat pemakluman keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) P.15 Bil.6/2023 bertarikh 22 Mac 2023, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan di dalam kontrak Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd (PMH) yang beralamatkan seperti berikut:

PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN BHD

10-5, Aras 5, Kota Cemerlang,
Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Telefon: 016-742 4941 (Muhammad Noorazhar bin Hishamuddin)

Faks: 06-232 1209

4.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 4.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh PKP atau mana-mana SOP atau peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa.
- 4.2 Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang yang berkuat kuasa. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pemuatannya dengan syarat-syarat berkenaan;
- 4.3 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini serta arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 4.4 Kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan di samping itu, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh Suruhanjaya/Jabatan/Pihak Berkuasa antara lainnya seperti berikut:-
- 4.4.1 Suruhanjaya Tenaga
 - 4.4.2 Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)
 - 4.4.3 Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - 4.4.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - 4.4.5 Pihak Berkuasa Tempatan
 - 4.4.6 Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN)

5.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari daripada tarikh Inden Kerja/Surat Setuju Terima dikeluarkan dan mematuhi Manual Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN). Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja/Surat Setuju Terima boleh dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

6.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

7.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 7.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 7.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 7.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

8.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 8.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnyanya dari dokumen Sebut Harga itu.

- 8.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

- 9.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

9.1.1 Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

9.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab di mana Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

9.1.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

9.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah

- 9.2 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

- 9.3 Walau apa pun di atas, sekiranya Kontrak ini ditamatkan di bawah perenggan 10.1 dan 10.2, Bon Pelaksanaan/WJP akan dirampas sepenuhnya.

10.0 PENETAPAN GANTI RUGI TERTENTU (LAD)

- 10.1 Sebarang kegagalan memenuhi obligasi kontrak seperti yang dinyatakan, Syarikat yang dilantik akan dikenakan denda mengikut peruntukan dalam kontrak. Kadar ganti rugi yang akan ditetapkan adalah seperti berikut:

i) Harga Kontrak x BLR sehari
365

ii) RM 100/hari

} Yang mana lebih tinggi

10.2 Majlis akan mengeluarkan notis bertulis kepada syarikat bagi sebarang perbuatan salah laku mengikut syarat – syarat dan spesifikasi kontraktor untuk dikenakan kadar denda yang sewajarnya. Syarikat adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran denda yang dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.

- A. Kelewatan Melaksanakan Kerja
- B. Kegagalan Melaksanakan Kerja
- C. Kegagalan Memberikan Kerja Berkualiti
- D. Kegagalan Menepati Spesifikasi Kerja.

10.3 Jika Syarikat gagal membayar denda yang dikenakan, maka tuntutan akan dibuat daripada bayaran yang berhak diterima oleh Syarikat. Jika masih tidak dapat dijelaskan bayaran, maka tuntutan akan dibuat daripada Bon Pelaksanaan. Seterusnya, diambil tindakan mengikut pentadbiran kontrak.

11.0 ~~BAYARAN KEMAJUAN~~

~~Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.~~

12.0 KERJA PERUBAHAN DAN PERLANJUTAN MASA UNTUK KONTRAK KERJA

12.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebut Harga ini.

12.2 Sebarang kerja perubahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

